

07 JUL 1998

Mahathir-Kaji

KAJI SEMULA PENGURUSAN KORPORAT, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 7 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menggesa supaya dikaji semula pengurusan korporat memandangkan kegawatan ekonomi sekarang menunjukkan perlu ada peraturan dan undang-undang baru untuk meningkatkan ketahanan syarikat.

"Kebanyakan undang-undang dan peraturan serta amalan perbankan sekarang cenderung kepada memburukkan lagi masalah yang dihadapi oleh syarikat semasa kegawatan ekonomi.

"Perkara ini perlu dikaji dan undang-undang serta peraturan baru digubal," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian ketika melancarkan sambutan 100 tahun Pendaftar Syarikat dan merasmikan persidangan antarabangsa mengenai pengurusan korporat di sebuah hotel terkemuka di sini.

Beliau berkata ia bukan bertujuan menolong syarikat yang teruk tetapi membantu syarikat-syarikat yang baik dan membolehkan syarikat itu bertahan kerana kegagalan mereka bukan disebabkan kecuaiannya mereka sendiri.

"Ketahanan dan keuntungan mereka bukan sahaja untuk kebaikan mereka sahaja tetapi bagi faedah negara secara keseluruhan. Sudah tentu, kerajaan memerlukan syarikat yang memperolehi keuntungan jika mahu mengisi dana mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata pengurusan yang baik bagi syarikat tidak boleh bergantung kepada undang-undang dan penguatkuasaannya sahaja tetapi juga memerlukan budaya korporat yang baik.

Di Malaysia kerajaan telah memutuskan bahawa sektor swasta mempunyai peranan besar untuk dimainkan dalam pembangunan negara kerana mereka mewujudkan kekayaan, peluang pekerjaan dan membayar cukai.

"Memandangkan tugas yang mereka lakukan adalah penting bagi negara, kerajaan harus memudahkan fungsi syarikat-syarikat itu," katanya.

Dr Mahathir berkata konsep Persyarikatan Malaysia digubal berdasarkan kepada kepercayaan bahawa kerjasama yang erat di antara kerajaan dan sektor swasta akan meningkatkan lagi pertumbuhan ekonomi negara.

Sebelum ini wujud tanggapan bahawa adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk mengadakan pelbagai halangan bagi syarikat-syarikat kerana mereka dianggap sebagai musuh yang hanya mahu mengeksploitasi dan meraih sebanyak mungkin keuntungan, katanya.

"Memang kapitalis zaman lampau pernah mengeksploitasi pekerja dan tidak langsung mempunyai tanggungjawab terhadap masyarakat yang mana memberikan keuntungan kepada mereka. Bagaimanapun, para sosialis dan komunis telah mengajar para kapitalis dan mereka kini lebih sedar mengenai tanggungjawab mereka kepada masyarakat," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir berkata oleh kerana itu, kerajaan telah merangka dasar dan undang-undang yang memastikan keuntungan yang diperolehi para kapitalis dapat menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat tempatan.

"Tidak ada sebab untuk mengecewakan usahawan yang mencari kekayaan. Sememangnya mereka harus dibantu kerana sebahagian daripada keuntungan yang mereka perolehi akan disumbang ke arah memakmurkan lagi rakyat secara keseluruhan," katanya.

Dr Mahathir berkata konsep Persyarikatan Malaysia telah menyaksikan pertumbuhan negara berkembang sebanyak lebih lapan peratus pada masa lampau tetapi ada bahaya salahguna kuasa dan rasuah di antara kakitangan kerajaan dan sektor swasta yang berhubungan rapat.

Bahaya seperti itu bagaimanapun juga wujud ketika kerajaan cuba

mejauhkan diri daripada sektor swasta, apabila kerajaan menjadi penghalang, kerana halangan sedemikian boleh digunakan untuk mendapatkan rasuah daripada sektor swasta dan pada masa yang sama pembangunan negara terbantut, katanya.

"Memang jelas bahawa apabila kerajaan tidak mudah dirapati, bukan sahaja rasuah tidak dapat dibendung, pembangunan juga perlahan dan ekonomi tidak boleh berkembang.

"Antara risiko rasuah yang disebabkan oleh kedudukan di antara kerajaan dan sektor swasta yang rapat dan yang disebabkan sikap konfrontasi oleh kakitangan kerajaan terhadap sektor swasta, lebih banyak yang boleh diperolehi daripada kerjasama erat antara kerajaan dan swasta," katanya.

Dr Mahathir berkata peraturan itu disesuaikan untuk memastikan keuntungan maksimum dan penyalahgunaan kuasa yang minimum daripada konsep Persyarikatan Malaysia dan budaya itu harus juga diubah.

"Undang-undang korporat harus dirangka untuk dipadan bagi mendapatkan interaksi yang positif di antara kerajaan dan sektor swasta," katanya.

Beliau berkata Malaysia sepatutnya berkembang menerusi penswastaan dan strategi Persyarikatan Malaysia agar ia menjadi negara maju menjelang tahun 2020 tetapi malangnya "kita kini melihat semula kehadiran kapitalisme."

"Teknologi maklumat moden dan perolehan dan pengurusan dana yang banyak dengan begitu mudah telah memberi kuasa kepada para kapitalis baru. Dengan wang berjumlah berbilion dan bertrilion itu, mereka kini boleh mencabar kerajaan.

"Kedaulatan negara daripada segi matawang dan pergerakan modal kini hilang. Pengaliran bebas yang sepatutnya membawa kemakmuran kepada negara miskin di dunia sebaliknya membawa kesengsaraan.

"Walaupun amalan kerajaan dan sikap kurang terbuka mungkin dipertanggungjawabkan, tidak syak lagi kemelut kewangan yang kini melanda negara-negara Asia Timur adalah disebabkan hilangnya kawalan terhadap kadar pertukaran dan pengaliran modal merentasi sempadan," katanya.

Dr Mahathir juga berkata Malaysia tidak perlu mempunyai undang-undang anti-monopoli seperti yang terdapat di sesetengah negara Barat kerana tidak ada monopoli diberikan kepada mana-mana syarikat.

"Di mana perlu elak pertindihan infrastruktur yang menelan belanja yang besar, negara dibahagi kepada bahagian dan setiap bahagian diberikan kepada sebuah syarikat berdasarkan pada tawaran yang kompetitif," katanya.

Undang-undang dan dasar yang mentadbir syarikat-syarikat besar yang terbabit dalam penswastaan memastikan bahawa tanggungjawab mereka kepada rakyat tidak diabaikan pada setiap masa, katanya.

Dr Mahathir juga meminta Pendaftar Syarikat supaya terus memperbaiki dan mempertingkatkan sistem operasinya untuk menghadapi cabaran era baru, terutama dalam memenuhi keperluan sebuah kerajaan elektronik dalam era perdagangan elektronik.

Persidangan dua hari itu yang bertajuk "Tanggungjawab, Risiko dan Pembaharuan" dihadiri kira-kira 220 peserta, termasuk dari luar negara.

-- BERNAMA

AFY AKD